

**Tolak pemerintahan teokratik pembangkang, kata Pemuda MCA
Malaysian Insider
20 Oktober, 2012
Oleh Nomy Nozwir**

KUALA LUMPUR, 20 Okt — Rakyat harus menolak pemerintahan teokratik dan budaya kurang sopan, kata Pemuda MCA.

Menurut Ketua Pemudanya, Datuk Wee Ka Siong (gambar) berkata, politik negara kini dalam keadaan yang membimbangkan dengan Pakatan Rakyat (PR) bercita-cita mengambil alih tampuk pemerintahan dari Barisan Nasional (BN).

“Rakyat jelata tidak nampak perangkap yang tersembunyi yang akan mengubah sistem pemerintahan negara kita.

“Parti PAS tetap berazam dan berdegil untuk membina sebuah negara Islam teokratik dan tuntutan PAS tidak mampu ditolak oleh parti komponen PR,” kata Wee dalam ucapan pembukaan perhimpunan agung tahunan Pemuda MCA pagi hari ini.

Katanya, meninjau kembali sejarah, negara-negara Eropah telah menghabiskan ratusan tahun membebaskan diri dari genggaman politik berasaskan agama, dan memisahkan politik dan agama.

“Keberanian mereka untuk memisahkan politik dan agama telah berjaya melahirkan Renaissance dan revolusi perindustrian yang menjanakan kemakmuran kepada mereka.

“Tetapi pemikiran pemimpin-pemimpin parti PAS masih berada di zaman ratusan tahun yang lalu, dan mereka memaksa kita untuk menyatukan politik dan agama.

“Dan perkembangan ini amat menyedihkan,” kata Wee lagi.

Wee juga berkata, parti DAP yang dahulunya bermati-matian menolak negara Islam ala PAS, kini sanggup bersubahat dengan membelakangkan pendirian demi keinginan menawan Putrajaya.

“Kenyataan pengerusi mereka Karpal Singh yang terkenal, ‘over my dead body’ tentang pembinaan negara Islam tidak lagi kedengaran kerana impian DAP menawan Putrajaya.

“Pemimpin DAP kini telah mengubah pendirian mereka dengan melaungkan slogan ‘tidak perlu takut negara Islam jika tidak mencuri dan merompak’, dan kasihan kepada Karpal Singh yang tanpa kuasa dan dikhianati oleh Lim Kit Siang dan Lim Guan Eng,” katanya lagi.

Katanya lagi, satu masa dahulu apabila bekas setiausaha agung DAP, Lim Kit Siang membidas kenyataan bekas perdana menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad kerana mengumumkan Malaysia sebagai sebuah negara Islam, tetapi kini hanya membisu apabila PAS berkata mahu menukar perlembagaan untuk pembinaan negara Islam ala PAS.

“Pada tahun 2006, setiausaha agung DAP Lim Guan Eng berkata beliau mahu impian PAS untuk sebuah negara Islam digugurkan.

“Tetapi hari ini beliau bukan sahaja berdiam diri, tetapi melindungi PAS dalam isu negara Islam.

“Jika suatu hari nanti sistem pemerintahan kita berubah menjadi negara teokratik ala PAS, generasi sekarang akan menanggung kesalahan ini dengan serius,” kata Wee lagi.

Hakcipta © 2012 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/tolak-pemerintahan-teokratik-pembangkang-kata-pemuda-mca/>